

RINGKASAN EKSEKUTIF

TAJUK	:	PELAKSANAAN KAJIAN KES DAN PROJEK INISIATIF <i>BEHAVIOURAL INSIGHTS</i> (BI) BAGI TAHUN 2021 i) FASA I (JANUARI-APRIL 2021) RM524,000 ii) FASA II (MEI – OGOS 2021) RM655,000 iii) FASA III (SEPT-DISEMBER 2021) RM131,000
JANGKA MASA	:	Januari - April 2021
OBJEKTIF	:	i. Melaksanakan 12 Kajian Kes BI di kementerian, agensi dan sektor ekonomi terpilih; ii. Menjalankan Projek Inisiatif BI sebagai salah satu kaedah penyelesaian masalah dan mengenal pasti peluang penambahbaikan; iii. Mengemukakan cadangan penambahbaikan kepada sesuatu isu yang dikaji; dan iv. Menggunakan pendekatan BI dan menjalankan eksperimen bagi mengenalpasti intervensi yang paling berkesan.
JANGKAAN OUTPUT	:	i. Laporan Kajian Kes; ii. Laporan Projek Inisiatif BI iii. Cadangan penambahbaikan kepada kementerian, agensi dan pemegang taruh; dan iv. Sesi perkongsian hasil penemuan kajian.
JANGKAAN OUTCOME	:	Mengemukakan cadangan penambahbaikan dan penyelesaian masalah kepada kementerian, agensi dan pemegang taruh menggunakan pendekatan BI ke arah i. perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan.
KOS	:	Fasa I i. Kajian Kes BI = RM100,000 ii. Pentadbiran = RM16,000 iii. Projek Inisiatif BI = RM100,000 iv. Advocacy, Advisory & Coordination = RM308,000 Jumlah = RM524,000
UNIT	:	Productivity and Competitiveness Development (PCD)/ National Competitiveness (NC)
BAJET	:	RMK12- Behavioural Insights
KOMEN/TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN	:	
KOMEN/TANDATANGAN PENGURUS PCT	:	

KERTAS CADANGAN BAGI KELULUSAN LEMBAGA PENGURUSAN (BOM)
MPC

PELAKSANAAN KAJIAN KES DAN PROJEK INISIATIF *BEHAVIOURAL INSIGHTS* (BI) TAHUN 2021

1.0 TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk mendapatkan kelulusan Lembaga Pengurusan (BOM) MPC berkaitan pelaksanaan kajian kes dan projek inisiatif *Behavioural Insights* (BI) bagi tahun 2021 menggunakan bajet pembangunan RMKe-12 Behavioural Insights.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1** MPC telah diberi mandat untuk meneruskan pelaksanaan projek *Behavioural Insights* (BI) pada tahun 2021. Pendekatan BI dalam penggubalan polisi awam telah banyak digunapakai di negara-negara maju sejak 2010. BI merupakan alat polisi yang inovatif bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan intervensi kerajaan kadar pematuhan peraturan yang tinggi.
- 2.2** Antara faedah yang boleh dicapai melalui penggunaan kaedah BI adalah boleh dijalankan dengan mudah tanpa melibatkan kos operasi yang tinggi kerana tidak terlalu bergantung kepada penguatkuasaan peraturan atau pemberian insentif. BI mengambilkira tingkah laku dan bagaimana tindak balas kumpulan sasar terhadap sesuatu peraturan atau dasar yang dibangunkan.
- 2.3** Kerajaan berhasrat untuk menggunapakai kaedah BI dalam penggubalan polisi dan peraturan di masa akan datang. Pada tahun 2021, MPC telah diberi peruntukan sebanyak RM2.5 juta untuk menjalankan program BI. Antara aktiviti yang dirancang adalah melaksanakan kajian kes dan projek-projek inisiatif BI dalam penggubalan polisi awam di Malaysia. MPC akan melaksanakan projek inisiatif BI terpilih dari pelbagai kementerian ataupun isu-isu yang berkaitan dengan PEMUDAH dan Kumpulan Kerja Teknikal, JKKMAR, #MyMUDAH dan sebagainya. Tempoh masa pelaksanaan kajian adalah dari bulan Januari sehingga November 2021 seperti di **Lampiran 1**.

3.0 OBJEKTIF

Objektif projek adalah seperti berikut:

- i. Melaksanakan 12 Kajian Kes BI di kementerian, agensi dan sektor ekonomi terpilih;
- ii. Menjalankan Projek Inisiatif BI sebagai salah satu kaedah penyelesaian masalah dan mengenal pasti peluang penambahbaikan;
- iii. Mengemukakan cadangan penambahbaikan kepada sesuatu isu yang dikaji; dan
- iv. Menggunakan pendekatan *Behavioural Insights* dan menjalankan eksperimen bagi mengenalpasti intervensi yang paling berkesan.

4.1 JANGKAAN OUTPUT

Jangkaan output daripada kajian kes ini adalah:

- i. Laporan Kajian Kes;
- ii. Laporan Projek Inisiatif BI
- iii. Cadangan penambahbaikan kepada kementerian, agensi dan pemegang taruh; dan
- iv. Sesi perkongsian hasil penemuan kajian.

5.0 JANGKAAN OUTCOME

Mengemukakan cadangan penambahbaikan dan penyelesaian masalah kepada kementerian, agensi dan pemegang taruh menggunakan pendekatan BI ke arah perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan.

6.0 ANGGARAN KOS TERLIBAT

6.1 Anggaran keseluruhan kos adalah seperti di bawah dipecahkan kepada 3 Fasa:

ITEM	FASA I (Jan-April)	FASA II (Mei-Ogos)	FASA III (Sept-Dis)	TOTAL (RM)
I. Kajian Kes BI	100,000	120,000	24,000	244,000
Pentadbiran	16,000	25,000	5,000	46,000
II. Projek Inisiatif BI	100,000	120,000	24,000	244,000
III. Advocacy	84,000	110,000	22,000	216,000
<i>Advisory</i>	112,000	140,000	28,000	280,000
<i>Coordination</i>	112,000	140,000	28,000	280,000
TOTAL	524,000	655,000	131,000	1,310,000

Jadual 1: Perincian Anggaran Kos Keseluruhan Mengikut Aktiviti Bagi FASA I (Januari – April, 2021)

NO	FASA I	ITEM	ANGGARAN KOS (RM)	NO. OF UNIT	TOTAL KOS (RM)
1.	Pembangunan Kajian Kes BI (Tier 1)	Melantik Pakar untuk menjalankan 5 kajian kes.	5 kajian kes x 20,000	100,000	100,000
	Kos Pentadbiran	Mengendalikan 4 bengkel menggunakan khidmat tenaga pakar untuk <i>on-boarding</i> bersama Kementerian	4 sesi x 2,500	10,000	16,000
		Bayaran Jawatankuasa Teknikal & Elaun Mesyuarat (2 orang)	3 mesyuarat x 2 kumpulan x 500 x 2 orang	6,000	
2	Projek Inisiatif BI (Tier 2)	Melantik Pakar bekerjasama dengan kementerian, agensi dan lain-lain untuk menjalankan projek inisiatif BI	5 projek x 20,000	5 x 20,000	100,000
3	Advocacy	Sesi Perkongsian penceramah dan <i>moderator/ coordinator</i>	3 sesi x 4 kumpulan x 400	4,800	84,000
		Penerbitan laporan <i>Editing, Proofreading, Rephrasing work, Design, Artwork, Layout</i> & Kos pentadbiran	1 laporan x 4 kumpulan x 6,600	26,400	
		Penulisan Artikel	1 artikel x 4 kumpulan x 1,100	4,400	
		Penghasilan video	1 video x 4 kumpulan x 6,600	26,400	
		Siaran Media (Media release)	1 siaran media x 4 kumpulan x 1,100	4,400	

		Bunting, banner, poster (fizikal dan online)	1 bahan promosi x 4 kumpulan x 4,400	17,600	
4.	Advisory	Perkhidmatan Pakar Bidang (<i>Subject Matter Experts</i>) bagi kajian dan projek BI.	4 SME x 4 kajian x 5,000	80,000	112,000
		Pelaksanaan aktiviti latihan dan khidmat nasihat (online & fizikal) kepada pegawai yang terlibat dengan kajian dan projek – tenaga pakar	4 sesi latihan x 4 kumpulan x 2,000	32,000	
5.	Coordination	- Libat urus bersama kementerian dan agensi – online platform, Mural - Bayaran coordinator	2 sesi x 4 kumpulan x 6,000 = 48,000 2 sesi x 4 coordinator x 1,000 = 8,000	56,000	112,000
		- Numerators (data collection) - Database	4 numerators x 4 kumpulan x 2,500 = 40,000 1 database x 16,000	56,000	
			JUMLAH		524,000

6.2 Bagi **Fasa I (Januari- April, 2021)** jumlah peruntukan yang diperlukan ialah **RM524,000**. Perincian kos adalah seperti di bawah:

- i) Kajian kes BI (RM100,000) dan kos pentadbiran (RM16,000) berjumlah **RM116,000**.
- ii) Projek Inisiatif BI iaitu **RM100,000**
- iii) Sejumlah **RM308,000** lagi diperuntukan untuk menjalankan aktiviti *advocacy, advisory* dan *coordination*.

7.0 SYOR

Lembaga Pengurusan MPC adalah dipohon untuk menimbang serta meluluskan permohonan perbelanjaan bagi **Fasa I** iaitu sebanyak **RM524,000** bagi melaksanakan Kajian Kes, Projek Inisiatif *Behavioural Insights (BI)* dan menjalankan aktiviti *advocacy advisory* dan *coordination* menggunakan bajet pembangunan RMKe-12 *Behavioural Insights* tahun 2021.


Disediakan oleh:



Noor Aishah Hj Hassan
Pengurus
PCD

Tarikh: 30 Disember 2020

Disemak oleh:



Sawiah Abdul Samad
Timbalan Pengarah
PCD

Tarikh: 30 Disember 2020

Disahkan oleh

Wan Fazlin Nadia Wan Osman
Pengarah
PCD

Tarikh: 30 Disember 2020

CARTA PERBATUAN KAJIAN KES DAN PROJEK INISIATIF *BEHAVIORAL INSIGHTS* (BI) TAHUN 2021- FASA 1

Bulan	JANUARI				FEBRUARI				MAC				APRIL			
Aktiviti/Minggu	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4
I. Pembangunan Kajian Kes BI (Tier 1) • Melantik Pakar untuk menjalankan kajian kes • Melaksanakan kajian kes																
II. Kos pentadbiran • Mengendalikan bengkel perancangan dan pemantauan • Bayaran Jawatankuasa Teknikal & Elaun Mesyuarat																
III. Projek-projek Inisiatif BI (Tier 2) • Melantik Pakar bekerjasama dengan kementerian, agensi dan lain-lain untuk menjalankan projek inisiatif BI																
IV. Melaksanakan Advocacy, Advisory & Coordination • Advocacy • Advisory • Coordination					